

17/09/2003

PM kecam negara maju peralatkan WTO

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengecam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan negara maju yang menggunakannya untuk terus mengenakan tekanan serta paksaan terhadap negara membangun dan miskin dalam isu liberalisasi perdagangan.

Perdana Menteri berkata, kegagalan mencapai permuafakatan berhubung pendirian negara maju dan membangun mengenai pelbagai isu baru yang menjadi pertelingkahan dalam persidangan WTO di Cancun, Mexico, Ahad lalu, adalah disebabkan keengganan negara membangun untuk tunduk kepada kemahuan mereka.

"Mereka (negara maju) mesti mengambil kira pandangan negara membangun. Mereka langsung tidak menghiraukan pandangan kita (negara membangun). Mereka mahu memutuskan sesuatu yang hanya memberi manfaat kepada mereka. Oleh itu, saya tidak fikir kita akan bersetuju dengan langkah itu," katanya pada sidang media selepas menutup Persidangan Pemimpin Muda Islam di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kegagalan rundingan di persidangan WTO itu berhubung empat isu yang menjadi pertelingkahan di antara negara maju dan membangun iaitu pelaburan, dasar persaingan, pemudah cara perdagangan dan ketelusan dalam pemerolehan kerajaan.

Cadangan untuk melancarkan rundingan berhubung empat isu baru itu yang dibuat oleh negara maju, ditolak oleh negara membangun. Penolakan itu adalah berdasarkan hasil sidang menteri pada November 2001 di Doha, Qatar, yang antara lain bersetuju kecuali ada keputusan sebulat suara, rundingan berhubung empat isu itu tidak akan dimulakan.

Dr Mahathir berkata, negara maju hanya mahu membuka rundingan isu baru itu, sedangkan isu lama sudah dibincang dan sepatutnya dilaksanakan, tetapi tidak berbuat demikian.

Berikutan itu, katanya, negara membangun termasuk Malaysia tidak boleh membuka isu baru selepas mendapati tiada hasil daripada persetujuan yang dicapai di WTO sebelum ini.

Mengenai dakwaan bahawa Malaysia dan India dikenal pasti sebagai 'dalang' menggagalkan rundingan di Cancun itu, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata mereka yang berbuat demikian sebenarnya cuba menakutkan Kuala Lumpur.

"Jadi mereka namakan (Malaysia)... maka kita tak boleh bercakap, kita tak boleh berkata apa-apa kerana kita akan dianggap sebagai dalang, penghalang dan dengan itu kita tidak seharusnya bercakap. Jika tiada siapa dibenarkan bercakap, maka negara kaya akan terus mendapat apa yang mereka mahu.

"Ya, Malaysia akan terus bersuara bersama negara lain... saya percaya India dan Brazil serta beberapa negara lain akan terus bercakap. Sudah tentu beberapa negara akan diancam selepas ini dengan sekatan, lucut hak mendapat bantuan, memaksa mereka membayar balik pinjaman atau tidak menghapuskan pinjaman dan pelbagai cara lagi. Semua ini adalah tekanan dikenakan ke atas negara miskin dan lemah," katanya.

Dr Mahathir berkata, WTO mesti menerima untuk mendengar masalah negara miskin dan bukan cuba untuk mengambil apa saja pandangan negara kaya, yang amat jelas semua negara miskin menentang.

Sebaliknya, kata beliau, negara kaya memberi sokongan penuh kerana langkah yang cuba dibuat di Cancun itu akan memberi faedah kepada mereka.

"Mereka kata akan menguntungkan kita (negara membangun). Kita tidak nampak bagaimana ia memberi faedah jika mereka mahu mendominasi ekonomi kita. Sejauh yang berkaitan dengan Malaysia, selama ini mereka membenarkan pelaburan asing di negara ini. Apa lagi yang mereka jangka daripada kita?," katanya.

Ditanya apakah perlu bagi semua negara membangun dan miskin mengadakan pertemuan untuk membentuk satu suara menentang cadangan negara maju itu secara bersama, beliau berkata jika boleh itulah yang sebaik dilakukan.

Namun, Dr Mahathir yakin tekanan dikenakan ke atas negara terbabit membuat pendirian seperti itu, yang akan menyebabkan kehidupan mereka semakin sukar dalam usaha negara maju mengelak negara membangun bersatu.

"Sebaliknya, negara kaya seperti anda tahu, mempunyai kumpulan eksklusif mereka sendiri iaitu Kumpulan Lapan (G8) dan mereka ini memutuskan bentuk ekonomi dunia yang mereka mahu dan kita pula harus menerimanya," katanya.

Mengenai kesan kegagalan rundingan WTO itu ke atas ekonomi dunia, Dr Mahathir berkata ia tetap akan memberi implikasi buruk walaupun rundingan berjaya.

"Apa yang mereka mahukan ialah sebagai contoh, pemerolehan kerajaan atau apa yang mereka panggil sebagai ketelusan, maknanya kita tidak boleh guna pemerolehan kerajaan untuk menstruktur ekonomi kita.

"Mereka akan mempunyai akses, mereka akan mempunyai hak sama seperti syarikat tempatan untuk mendapatkan pemerolehan kerajaan kerana mereka besar dan sangat kaya, dan mampu untuk kerugian wang di negara kita.

"Syarikat kita (tempatan) tidak akan mendapat faedah apa-apa daripada pemerolehan kerajaan. Kita akan selamanya membeli daripada mereka dan kita akan terus miskin dan miskin," katanya.